TEH GIT CHOO & SATU LAGI

lwn.

NORFIZA ADAM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ABU SAMAH NORDIN H
[RAYUAN SIVIL NO: MT2-12-184-1999]
6 FEBRUARI 2003

GANTIRUGI: *Kemalangan maut - Liabiliti - Kereta perayu membuat pusingan U dan merintangi laluan sah motorsikal simati - Sama ada perayu bertanggungjawab 100% atas kemalangan - Sumbangan kecuaian - Sama ada tidak wujud*

GANTIRUGI: *Kemalangan maut - Kehilangan tanggungan - Amaun gantirugi - Kontigensi - Jumlah potongan - Sama ada harus memotong 1/3 dari jumlah gantirugi - Sama ada suatu budi bicara mahkamah - Akta Undang-Undang Sivil 1956, s. 7(3)(iv)(d)*

Simati dalam kes ini mengalami kecederaan serius dan meninggal dunia apabila motorsikal yang ditungganginya melanggar kereta yang dipandu perayu pertama yang sedang membuat pusingan U dan merintangi laluan sah simati. Berikutnya, plaintif/responden, balu simati, memfail tuntutan gantirugi terhadap perayu serta perayu kedua, pemilik kereta tersebut. Hakim Mahkamah Seksyen ('HMS') mendapati perayu pertama 100% bertanggungjawab atas kemalangan yang berlaku dan seterusnya, dengan berdasarkan kepada liabiliti tersebut, memberikan award kerana kehilangan tanggungan berjumlah RM132,000 (berdasar kepada pendarab 11 tahun dan kehilangan tanggungan RM1,000 sebulan). Tidak berpuas hati, perayu-perayu merayu dan berhujah: (i) bahawa simati juga ada menyumbang kepada kemalangan tersebut; dan (ii) bahawa, berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan dalam *Takong Tabari v. Government of Sarawak & Ors & Anor Appeal*, HMS seharusnya membuat potongan 1/3 dari gantirugi untuk kontigensi, jatuh bangun dalam kehidupan dan bayaran awal.

Diputuskan (menolak rayuan terhadap liabiliti; membenar jumlah gantirugi dipotong 15%):

[1] Tiada keterangan yang menunjukkan simati menyumbang kepada kemalangan. Ia berada di laluannya yang sah. Kerosakan pada kereta dan motorsikal menunjukkan bahawa kemalangan berlaku apabila perayu pertama gagal dan tidak sempat habis membuat pusingan. Akibatnya,

kereta merintangi laluan motorsikal sekaligus menyebabkan simati berada dalam situasi di mana ia tidak dapat mengambil tindakan untuk mengelakkan pelanggaran. (ms. 700 a-c)

[2] Mahkamah Rayuan dalam *Takong Tabari* tidak pernah menetapkan kadar potongan yang wajib diberikan bagi kontigensi. Apa yang diputuskan hanyalah bahawa potongan 1/3 yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi tersebut adalah amalan 'common law' yang dibenarkan di bawah s. 7(3)(iv)(d) Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan tidak menyalahi undang-undang. (ms. 702 g)

[2a] Walau apapun, mahkamah ini terikat dengan keputusan dalam kes *Chan Chin Min & Anor v. Lim Yok Eng* serta *Takong Tabari*. Ianya mengikut bahawa HMS telah silap dari segi undang-undang apabila langsung tidak membenarkan potongan bagi kontigensi. (ms. 703 b)

[3] Pendapatan bulanan simati seperti yang diplid, iaitu RM1,560 sebulan, adalah berasas. Walaupun begitu, HMS tidak menerima keterangan plaintif seratus peratus bilamana membenarkan kehilangan tanggungan bulanan sebanyak RM1,000 sahaja. Keputusan HMS ini adalah munasabah dan bersandarkan keterangan. (ms. 703 e-g)

[4] Mengambilkira bahawa plaintif tidak bekerja dan tidak akan bekerja kerana terpaksa menjaga anaknya yang mengidap penyakit jantung dan memerlukan rawatan di Institut Jantung Negara, bahawa pada masa simati meninggal dunia anak-anaknya baru berumur 5 tahun dan 4 tahun dan bahawa kemungkinan untuk plaintif berkahwin lain masih ada memandangkan umurnya baru mencapai 28 tahun, mahkamah membenarkan potongan sebanyak 15% dari amaun RM132,000 yang diaward oleh HMS. Potongan 1/3 yang dipohon perayu akan lebih membebankan liabiliti kewangan plaintif dan anak-anaknya yang kini kehilangan tempat bergantung. (ms. 703 h)

[Perintah sekadarnya].

Kes-kes yang dirujuk:

Antonio Dias Caldeira v. Frederick Augustus Gray [1934] 1 LNS 5 PC ***(dirujuk)***
Chan Chin Min & Anor v. Lim Yok Eng [1994] 3 CLJ 687 SC ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***
Davies v. Swan Motor Co (Swansea) Ltd [1949] 1 All ER 620 ***(dirujuk)***
Kerry v. Carter [1969] 3 All ER 723 ***(dirujuk)***
Nance v. British Columbia Electric Railway Co Ltd [1951] 2 All ER 448 ***(dirujuk)***
Tabarani Mohd Arsad & Anor v. Chan Tenn Yeu [1999] 3 CLJ 188 HC ***(dirujuk)***
Takong Tabari v. Government of Sarawak & Ors & Anor Appeal [1998] 4 CLJ 589 CA ***(dirujuk)***
Tan Chow Soo v. Ratna Ammal [1967] 1 LNS 178 PC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 7(3)(iv)(d)

Bagi pihak perayu/defendan - Sambanthan; T/n Jaffar & Menon
Bagi pihak respondan/plaintif - Valarmathy; T/n SP Veloo & Co

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

Abu Samah Nordin H:
Ini ialah rayuan oleh kedua-dua perayu/defendan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') yang memutuskan perayu pertama bertanggungan 100% terhadap kemalangan di antara kereta No. BDF 3923 yang dipandu oleh perayu pertama dengan motosikal No. NAG 7408 yang dipandu oleh Mohd. Ruslan bin Jabbar (simati), iaitu suami plaintif. Perayu kedua ialah pemilik berdaftar kereta tersebut. Kemalangan ini berlaku pada 8 Januari 1998, jam lebih kurang 6.10ptg. Jalan tempat kejadian adalah lurus. Cuaca baik. Tidak hujan. Perayu pertama dari arah Klang menghala ke Pelabuhan Klang. Simati menunggang motorsikal dari arah Pelabuhan Klang menghala ke Klang.

Kemalangan ini berlaku semasa perayu pertama sedang membuat 'U-turn' untuk berpatah balik ke Klang. Beliau tidak sempat habis membuat 'U-turn'. Keretanya merintangi laluan sah simati. Akibatnya berlaku perlanggaran di antara motorsikal dan kereta. Simati mengalami kecederaan serius dan meninggal di hospital pada hari yang sama jam lebih kurang 8mlm. Responden pertama tidak mengalami kecederaan. Kerosakan pada kedua-dua kenderaan adalah seperti berikut: pintu belakang kiri kereta kemek ke dalam dan cermin tingkap pintu belakang kiri pecah. 'Fork' depan motorsikal bengkok. Lampu besar depan motorsikal pecah. Terdapat serpihan-serpihan kaca bertaburan di tempat yang ditandakan 'X' dan 'B' di jalan laluan sah simati, di dalam rajah kasar yang dibuat oleh pegawai penyiasat.

Isu yang perlu diputuskan ialah samada:

(i) simati menyumbang kepada kemalangan tersebut; dan

(ii) HMS diwajibkan memberikan potongan 1/3 dari gantirugi am sebagai kontigensi berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Takong Tabari v. Government of Sarawak & Ors & Anor Appeal* [1998] 4 CLJ 589.

Dari fakta kes ini, saya tidak mendapati sebarang keterangan yang menunjukkan simati menyumbang kepada kemalangan tersebut. la di dalam laluannya yang sah. Serpihan kaca bertaburan di laluan sah simati.

Kerosakan pada kereta dan motorsikal menunjukkan bahawa kemalangan berlaku apabila perayu pertama gagal dan tidak sempat habis membuat pusingan U. Keretanya merintangi laluan motorsikal. Si mati dengan tiba-tiba mendapati dirinya berhadapan dengan situasi di mana ia tidak lagi sempat mengambil tindakan untuk mengelakkan perlanggaran.

HMS telah melihat dan mendengar perayu pertama memberi keterangan. la memutuskan bahawa jika benar perayu pertama (SD1) berhenti 8-10 minit sebelum membuat pusingan U "sudah tentu ia dapat melihat akan kedatangan motorsikal simati," sebelum membuat pusingan U. HMS menyimpulkan bahawa keterangan SD1 ini hanyalah rekaan semata-mata.

Saya mendapati kesimpulan yang dibuat oleh HMS ini adalah berdasarkan kepada keterangan dan setelah melihat dan mendengar SD1 memberi keterangan, saya tidak nampak di mana kesilapan HMS.

Lord Diplock, di dalam kes *Tan Chow Soo v. Ratna Ammal* [1969] 2 MLJ 49 pada m.s. 50 menyatakan:

> An appellate court, particularly where there is no full transcript of the oral evidence, is in a far less advantageous position to decide an issue of credibility than the trial judge who heard the evidence in full and observed the witnesses as they give it, noting their pauses and their hesitations and any visible signs of confidence or embarrasment.

Di dalam kes *Dato' Mokhtar Hashim v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101, YA. Abdoolcader FJ. telah merujuk kepada kes *Antonio Dias Caldeira v. Frederick Augustus Gray* [1934] 1 LNS 5 dan menyatakan seperti berikut:

> The Privy Council said in *Caldeira v. Gray* that the functions of an appellate court, when dealing with a question of fact, and a question of fact in which questions of credibility are involved, are limited in their character and scope, and that in an appeal from a decision of a trial judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, an appellate court must in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right but be convinced that it is wrong.

Di dalam kes *Takong Tabari v. Government of Sarawak & Ors & Anor Appeal* Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada kes *Kerry v. Carter* [1969] 3 All ER 723 di mana Lord Denning MR menyatakan:

> We will interfere if the judge has gone wrong in principle or is shown to have misapprehended the facts; but, even if neither of these is shown, we will interfere if we are of the opinion that the judge was cleary wrong.

SD1 sendiri, ada menyatakan:

> When I saw it was clear, I then move on to make U-turn. Suddenly I heard a sound bang at the rear of my car.

Semasa pemeriksaan balas SD1 berkata:

> Before I make U-turn I am sure there were no vehicles coming from Port Klang.

Jika benar apa yang dikatakan oleh SD1, maka bagaimana perlanggaran boleh berlaku. Perkataan "suddenly I heard a sound bang" menunjukkan bahawa SD1 cuba melintasi laluan simati dan membuat 'U-turn' tanpa menghiraukan kehadiran motorsikal yang dipandu simati. Ini meletakkan simati dalam keadaan terdesak di mana ia tidak lagi dapat mengelakkan perlanggaran.

Peguam perayu merujuk kepada beberapa kes mengenai kecuaian sertaan (contributory negligence) termasuk *Nance v. British Columbia Electric Railway Co. Ltd.* [1951] 2 All ER 448, *Davies v. Swan Motor Co. (Swansea) Ltd.* [1949] 1 All ER 620 dan *Tabarani bin Mohd Arsad & Anor v. Chan Tenn Yeu* [1999] 3 CLJ 188 bagi menyokong hujahnya mengenai kecuaian sertaan simati. Fakta samada seseorang pemandu itu menyumbang kepada kemalangan atau tidak adalah bergantung kepada keterangan yang dikemukakan. Di dalam kes disini, tidak ada keterangan yang menunjukkan simati menyumbang kepada kemalangan tersebut. Oleh itu saya bersetuju dengan keputusan HMS dan menolak rayuan perayu-perayu mengenai liabiliti.

Seksyen 7(3)(iv)(d) Akta Undang-Undang Sivil 1956

Gantirugi am kerana kehilangan tanggungan yang dibenarkan oleh HMS di bawah s. 7(3)(iv)(d) Akta Undang-undang Sivil 1956 ialah RM132,000. Beliau tidak membuat sebarang potongan bagi kontigensi, jatuh bangun dalam kehidupan dan bayaran awal.

Peguam perayu berhujah bahawa keputusan HMS ini adalah salah dari segi undang-undang. Mengikutnya, HMS adalah terikat dan diwajibkan memberikan potongan sebanyak 1/3 dari amaun gantirugi tersebut bagi kontigensi berdasarkan kepada keputusan di dalam kes *Takong Tabari v. Government of Sarawak & Ors.*

Isu samada mahkamah terikat dengan formula di dalam s. 7(3)(iv)(d) Akta Undang-undang Sivil 1956 atau mempunyai budibicara di dalam memilih 'multiplier' bagi mengira kehilangan pendapatan simati untuk tujuan tuntutan gantirugi kerana kehilangan tanggungan telah diputuskan di dalam kes *Chan Chin Min & Anor v. Lim Yok Eng* [1994] 3 CLJ 687.

Dato' Peh Swee Chin SCJ, yang mewakili keputusan majoriti memutuskan bahawa mahkamah mempunyai budibicara memilih 'multiplier' setelah mengambil kira kontigensi. Edgar Joseph Jr. SCJ, yang tidak bersetuju dengan keputusan majoriti berpendapat bahawa mahkamah tidak lagi mempunyai budibicara di dalam memilih 'multiplier' di dalam memutuskan gantirugi bagi kehilangan tanggungan:

> To my mind, it is manifestly clear, that in enacting the detailed provision of proviso (d) to s. 7(3)(iv), Parliament had intented to take away the discretion of the court to select the appropriate multiplier, in assessing loss of earnings of a deceased person in respect of any period after his death, for purposes of a claim for loss of support under s. 7(l).

Di dalam kes *Chan Chin Min & Anor*, Hakim Mahkamah Tinggi memakai 'multiplier' 16 tahun bagi mengira amaun gantirugi atas alasan ia terikat dengan formula yang ditetapkan di bawah s. 7(3)(iv)(d) Akta Undang-undang Sivil 1956. Mahkamah Agung (keputusan majoriti) mengurangkan 'multiplier' kepada tujuh tahun setelah mengambil kira kontigensi dan kemungkinan simati akan berkahwin, jika tidak kerana kemalangan tersebut.

Di dalam kes *Takong Tabari,* Mahkamah Tinggi telah membenarkan gantirugi kepada perayu (isteri simati) bagi kehilangan tanggungan sebanyak RM270,000 tetapi telah menolak 1/3 daripadanya bagi "contingencies, viccitudes of life and accelerated payment". Perayu tidak berpuashati dengan potongan tersebut dan merayu kepada Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa ia terikat dengan keputusan di dalam kes *Chan Chin Min & Anor* dan dengan itu telah menolak rayuan perayu.

Berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Takong Tabari* inilah peguam perayu berhujah bahawa potongan pada kadar 1/3 tersebut telah menjadi undang-undang dan HMS dengan itu mestilah memberikan potongan 1/3.

Dengan hormatnya saya berpendapat hujah peguam tersebut adalah tidak berasas. Mahkamah Rayuan, di dalam kes *Takong Tabari* tidak pernah menetapkan kadar potongan yang wajib diberikan bagi kontigensi. Apa yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan ialah bahawa potongan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi tersebut merupakan amalan 'common law' yang dibenarkan di bawah s. 7(3)(iv)(d) Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan tidak menyalahi undang-undang. YA. Siti Norma Yaakob JCA (pada ketika itu), telah merujuk kepada kes *Chan Chin Min* dan menyatakan seperti berikut:

> Since it found such clearness missing in proviso (d), the common law practice of making deductions for contingencies, other vissitudes of life and accelerated payment continue to be in force. Under such circumstances and in reliance of

the majority decision in *Chan's* case, we found that the learned trial judge made no error of law when he made the deduction and reduced the claim for loss of dependency to RM180,000.

Secara peribadi, saya bersetuju dengan keputusan minoriti di dalam kes *Chan Chin Min*. Tetapi oleh kerana Mahkamah Tinggi terikat dengan keputusan di dalam kes *Chan Chin Min & Anor* dan kes *Takong Tabari* saya memutuskan bahawa HMS telah silap dari segi undang-undang apabila ia tidak membenarkan potongan bagi kontigensi.

Di dalam kes ini HMS telah membenarkan gantirugi kerana kehilangan tanggungan sebanyak RM132,000 berdasarkan kepada 'multiplier' 11 tahun dan kehilangan tanggungan sebanyak RM1,000 sebulan. Peguam perayu mencadangkan gantirugi kerana kehilangan tanggungan sebanyak RM92,400 berdasarkan kepada 'multiplier' 11 tahun dan kehilangan tanggungan sebanyak RM700 sebulan. Dari amaun tersebut (RM92,400) potongan 1/3 hendaklah dibuat bagi kontigensi mengikut kes *Takong Tabari.*

Peguam perayu juga berhujah bahawa pendapatan purata bulanan simati sebanyak RM1,700 seperti yang diputuskan oleh HMS adalah tidak disokong oleh keterangan dan bertentangan dengan pliding plaintif sendiri. Di dalam plidingnya, plaintif rnenyatakan pendapatan bulanan simati ialah RM1,560.

Setelah meneliti keterangan PW2, iaitu Pegawai Pendadbir di tempat simati bekerja, butir-butir pendapatan simati (exh. P3A-B), keterangan plaintif dan mengambil kira bonus tahunan, saya mendapati pendapatan bulanan simati seperti yang diplid, adalah berasas dan disokong oleh keterangan. Jika dilihat pada exh. P3A-B, kita akan mendapati bahawa pendapatan purata bulanan simati, apabila dicampur dengan elaun lebihmasa (tidak termasuk bonus) adalah RM1,568 sebulan. Angka ini diperolehi dengan membahagikan jumlah pendapatan bersih tahunan sebanyak RM18,818.25 dengan (12) bulan.

HMS tidak menerima keterangan plaintif seratus peratus. la hanya membenarkan kehilangan tanggungan bulanan sebanyak RM1,000 sahaja. Ini pada pandangan saya, adalah munasabah dan bersandarkan kepada keterangan.

Dari amaun sebanyak RM132,000 yang diawardkan oleh HMS, saya hanya membenarkan potongan bagi kontigensi sebanyak 15% sahaja. Ini dibuat setelah mengambilkira bahawa plaintif tidak bekerja dan ia tidak akan bekerja kerana terpaksa menjaga anaknya yang mengidap penyakit jantung dan memerlukan rawatan di Institut Jantung Negara. Rawatan ini juga memerlukan perbelanjaan. Pada masa simati meninggal, anak-anak simati baru berumur lima tahun dan empat tahun. Plaintif menyatakan ia tidak akan berkahwin lagi. Memandangkan ia baru berumur 28 tahun, kemungkinan ia akan berkahwin lagi masih ada.

Potongan sebanyak 1/3 seperti yang dihujahkan oleh peguam perayu akan lebih banyak membebankan liabiliti kewangan plaintif dan anak-anaknya yang sudah kehilangan tempat bergantung.

Agihan gantirugi

Saya agak terperanjat apabila membaca alasan yang diberikan oleh peguam perayu di dalam Notis Usulnya untuk kebenaran merayu yang menyatakan bahawa saya telah membuat perintah menyalahi undang-undang dengan mengarahkan gantirugi tersebut diagihkan mengikut undang-undang syariah. Peguam perayu sendiri yang mencadangkan gantirugi diberikan kepada plaintif, yang kemudiannya akan membuat permohonan mengikut undang-undang syariah. Cadangan ini timbul apabila mahkamah bertanyakan atas dasar apa gantirugi di bahagikan di antara plaintif dan anak-anaknya. Mahkamah membuat perintah supaya gantirugi dibayar ke dalam akaun anakguam sementara menunggu permohonan peguamnya untuk pengagihan mengikut undang-undang syariah atas persetujuan peguam respondan dan cadangan peguam perayu. Isu samada pengagihan gantirugi hendaklah dibuat mengikut undang-undang sivil atau undang-undang syariah belum lagi dihujahkan di hadapan saya.

Atas alasan di atas, rayuan perayu terhadap liabiliti adalah ditolak. Mengenai gantirugi kerana kehilangan tanggungan, potongan sebanyak 15% dari amaun RM132,000 hendaklah dibenarkan atas alasan kontigensi. Kos rayuan ini hendaklah ditanggung oleh pihak masing-masing.